

05/06/1998

Timbalan Ketua Menteri bertugas Isnin

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam, akan mengambil alih tugas Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah mulai Isnin ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju supaya Osu mengambil alih jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah berkuatkuasa pada tarikh itu.

Beliau mengumumkan demikian selepas sidang akhbar mengenai Pengurusan Danaharta Nasional (Danaharta) yang sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Pengurusan Aset (SPA) di Kementerian Kewangan, hari ini.

Ditanya siapa yang akan menggantikan Osu sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Anwar berkata: "Itu hak Perdana Menteri."

Menurut Anwar, Osu akan meletak jawatan sebagai anggota Kabinet Persekutuan sebelum Isnin.

Osu, 49, akan mengisi jawatan itu, yang dikosongkan oleh Datuk Ghapur Salleh, yang enggan dilantik semula.

Selain Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Osu ialah Ahli Parlimen Papar, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Kawang dan anggota Majlis Tertinggi Umno.

Beliau dilantik sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 1994 bagi menggantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun), yang dilantik Ketua Menteri Sabah ketika itu.

Osu dikekalkan dalam jawatan Kabinet selepas pilihan raya umum 1995.

(END)